

Headline	Isu homoseks, HIV AIDS hangatkan sidang CHOGM		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	30 Oct 2011	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	2	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	125 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,540
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,620



Isu homoseks, HIV/AIDS hangatkan sidang CHOGM

PERTH: Kumpulan Tokoh Terkemuka (EPG) Komanwel semalam menyangkal laporan bahawa ia mengemukakan cadangan kepada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) agar hubungan homoseks dianggap bukan satu kesalahan jenayah di negara anggota kumpulan bekas jajahan British itu.

Pengerusi EPG berkenaan, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan kumpulan hanya mencadangkan negara Komanwel menghapuskan undang-undang diskriminasi yang menghalang tindakan untuk membanding penyebaran HIV/AIDS.

“Di sesetengah negara anggota, masih wujud undang-undang yang menyekat bantuan disampaikan kepada pesakit HIV/AIDS,” kata Abdullah di sini semalam.

EPG yang ditubuhkan CHOGM dua tahun lalu untuk mencadangkan langkah menjadikan Komanwel lebih relevan dan dinamik, menyerahkan laporan kepada mesyuarat ketua-ketua kerajaan itu, kelmarin.

Mesyuarat yang turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib

Razak, sedang meneliti kandungan laporan EPG itu pada sesi retreat di pinggir bandar Western Australia bermula semalam dan berakhir hari ini. Laporan EPG mengandungi 106 cadangan yang dikumpulkan selepas kumpulan sembilan anggota itu mengadakan pertemuan dengan lebih 330 pertubuhan dan individu dari 54 negara anggota Komanwel sejak 16 bulan lalu.

Cadangan berhubung masalah HIV/AIDS itu adalah antara yang dikatakan mendapat tentangan setengah negara anggota.

Laporan media di sini menyebut cadangan berkenaan turut membatikan usaha menggalakkan negara anggota menghapuskan undang-undang yang menjadikan hubungan homoseks sebagai satu jenayah. Berdasarkan bahasa yang digunakan laporan EPG mengenai perkara ini, ia masih terbuka kepada tafsiran sama ada cadangan itu turut membawa maksud yang dicadangkan media itu atau sebaliknya.

Abdullah berkata, sekalipun laporan itu diterima oleh CHOGM, ia tidak bermaksud setiap negara anggota perlu melaksanakan semua cadangan yang diterima.